

24 DEC 2002

Karpal-Singapura/I

KARPAL MAHU K'JAAN BERTEGAS DALAM PERTIKAIAN PULAU BATU PUTEH

KUALA LUMPUR, 24 Dis (Bernama) -- Kerajaan perlu bertegas dalam mempertahankan kedaulatan wilayah Malaysia dan tidak membenarkan Singapura menaklusinya secara kekerasan dalam pertikaian mereka ke atas Pulau Batu Puteh, kata peguam terkemuka dan Timbalan Pengerusi DAP Karpal Singh hari ini.

Beliau berkata kerajaan Singapura perlu bersikap matang dan tidak mengalih perhatian rakyatnya daripada kesulitan ekonomi yang dihadapi republik berkenaan dengan menyatakan hak pemilikan ke atas pulau berkenaan, meskipun sebelum Mahkamah Keadilan Antarabangsa ICJ di The Hague membuat keputusan terhadap pertikaian itu.

"Saya bersetuju sepenuhnya dengan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Singapura telah melampaui norma-norma yang boleh diterima dengan mengendalikan kerja-kerja pembinaan dan pembangunan di Pulau Batu Puteh pada masa pemilikannya masih lagi dipertikaikan," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Kenyataan Dr Mahathir terhadap laporan mengenai aktiviti pembangunan dan pembinaan fizikal di bonjolan berbatu yang terletak 15 batu nautika dari perairan Pengerang, Johor, oleh Singapura, disiarkan akhbar-akhbar hari ini.

Karpal Singh berkata Singapura tidak berhak meningkatkan secara mendadak kehadirannya secara fizikal di pulau berkenaan dengan membina bangunan-bangunan baru dan tempat pendaratan helikopter selepas kedua-dua negara bersetuju membawa pertikaian itu kepada ICJ berikutan pertemuan antara Dr Mahathir dengan rakan sejawatannya, Goh Chok Tong, September tahun lepas.

Singapura, kata beliau, perlu menyedari bahawa sekiranya keputusan ICJ memihak kepada Malaysia, semua binaan yang tidak boleh dipindahkan di pulau itu, mengikut undang-undang, akan menjadi milik Malaysia.

"Kerajaan Malaysia perlu memfailkan tuntutan yang sewajarnya dengan ICJ dan mendapatkan perintah interim agar status quo itu dikekalkan sementara menunggu penyelesaian pertikaian itu dan manakala Singapura didesak untuk merobohkan semua struktur yang dibinanya di atas pulau berkenaan," kata beliau lagi.

Baru-baru ini ICJ memutuskan bahawa Malaysia, dan bukannya Indonesia, merupakan pemilik yang sah terhadap Pulau Ligitan dan Pulau Sipadan di perairan Sabah.

-- BERNAMA

MAM MAM RM ROS RON